



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2021**

---

**PEMBEKALAN KELENGKAPAN RUMAH KEPADA  
PENJAWAT TINGGI KERAJAAN YANG DIPERUNTUKKAN  
RUMAH KEDIAMAN KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**6 Disember 2021**

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan



**JABATAN PERDANA MENTERI  
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 3904  
Web : <http://www.jpm.gov.my>  
Emel : [jpm@jpm.gov.my](mailto:jpm@jpm.gov.my)

Ruj. Kami : BPH.D.100.2/14/3 JLD. 8( 16 )

Tarikh : 6 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

---

**SURAT PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2021**

---

**PEMBEKALAN KELENGKAPAN RUMAH KEPADA  
PENJAWAT TINGGI KERAJAAN YANG DIPERUNTUKKAN  
RUMAH KEDIAMAN KERAJAAN**

**1. TUJUAN**

Tujuan Surat Pekeliling Am ini adalah untuk menggantikan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1997 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 yang menetapkan garis panduan serta had

harga maksimum bagi pembekalan perabot dan kelengkapan rumah kepada Penjawat Tinggi Kerajaan yang diperuntukkan Rumah Kediaman Kerajaan yang mana merupakan suatu keistimewaan dan bukannya suatu hak kepada Penjawat Tinggi Kerajaan.

## 2. TAFSIRAN

2.1 Tafsiran bagi maksud Surat Pekeliling Am ini adalah seperti berikut:

- a. “Penjawat Tinggi Kerajaan” dalam Surat Pekeliling Am ini adalah merujuk kepada Penjawat yang sebagaimana disenaraikan di **LAMPIRAN A**;
- b. “Rumah Kediaman Kerajaan” dalam Surat Pekeliling Am ini adalah merujuk kepada rumah yang dikhaskan untuk Penjawat Tinggi Kerajaan yang rumah tersebut boleh disediakan dengan Kelengkapan Rumah;
- c. “Kelengkapan Rumah” bermaksud kelengkapan untuk Rumah Kediaman Kerajaan yang dinyatakan di **LAMPIRAN B**; dan
- d. “Kelengkapan Lain Rumah” bermaksud apa-apa barang dan kemudahan yang diperlukan oleh Penjawat Tinggi Kerajaan yang diluluskan pembeliannya oleh Kerajaan untuk menjalankan aktiviti kehidupan harian di Rumah Kediaman Kerajaan.

2.2 Pembahagian di **LAMPIRAN A** adalah bagi menetapkan kemudahan Kelengkapan Rumah dan Kelengkapan Lain bagi Rumah Kediaman Kerajaan di bawah Surat Pekeliling Am ini sahaja dan tidak boleh digunakan sebagai asas perbandingan untuk menetapkan keistimewaan lain daripada Kerajaan.

### **3. LATAR BELAKANG**

Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1997 telah menetapkan garis panduan pembekalan Kelengkapan Rumah dan Kelengkapan Lain untuk Rumah Kediaman Kerajaan yang telah diperuntukkan kepada Penjawat Tinggi Kerajaan. Pindaan terakhir kepada Surat Pekeliling Am ini adalah pada tahun 2001 melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 melibatkan istilah Penjawat Tinggi Kerajaan dan harga maksimum bekalan langsir di kediaman rasmi Penjawat Tinggi Kerajaan.

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk kedua-dua Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1997 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 ini disemak dan dikemaskini bagi memastikan had harga maksimum yang ditetapkan adalah setara dengan harga pasaran semasa serta bagi menyusun semula senarai Penjawat Tinggi Kerajaan supaya selaras dengan perkembangan struktur organisasi dan pentadbiran Kerajaan. Seterusnya, pindaan ini juga bertujuan memastikan kaedah pembekalan Kelengkapan Rumah adalah sejajar dengan tatacara perolehan semasa Kerajaan.

### **4. SYARAT-SYARAT PEMBEKALAN KELENGKAPAN RUMAH**

## LAMPIRAN B

- 4.1 Had harga maksimum untuk Kelengkapan Rumah adalah seperti di **LAMPIRAN B** yang mana kos penghantaran serta pemasangan jika berkaitan turut terangkum di dalamnya.
- 4.2 Semua Kelengkapan Rumah dan Kelengkapan Lain Rumah yang dibekalkan hendaklah digunakan bagi tempoh tidak kurang daripada lima (5) tahun. Kelengkapan Rumah dan Kelengkapan Lain Rumah hanya boleh diganti setelah disahkan rosak dan tidak boleh digunakan lagi oleh Jawatankuasa Pemeriksa Aset mengikut Tatacara Pengurusan Aset/Pemeriksaan Aset di Kementerian atau Jabatan Penjawat Tinggi Kerajaan masing-masing serta tertakluk kepada peruntukan sedia ada Kementerian atau Jabatan tersebut.
- 4.3 Segala tatacara pengurusan aset alih Kerajaan yang sedang berkuat kuasa seperti ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia perlu dipatuhi semasa menguruskan Kelengkapan Rumah yang dibekalkan.
- 4.4 Penjawat Tinggi Kerajaan yang menerima keistimewaan melalui akta berkaitan dengan lantikan masing-masing tidak dibenarkan untuk mendapat kemudahan daripada Surat Pekeliling Am ini pada masa yang sama.
- 4.5 Kaedah perolehan Kelengkapan Rumah untuk Penjawat Tinggi Kerajaan adalah secara pembelian terus tanpa had nilai dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan tertakluk

## LAMPIRAN B

kepada had harga maksimum yang dibenarkan. Kelonggaran bagi transaksi dengan syarikat yang tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan, turut meliputi pengecualian penggunaan Sistem ePerolehan dan bayaran tanpa pengeluaran Pesanan Tempatan.

- 4.6 Selain itu, Kementerian atau Jabatan Penjawat Tinggi Kerajaan dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus tanpa had nilai tertakluk kepada kelayakan kadar siling maksimum yang dibenarkan dengan menggunakan kad kredit korporat melalui transaksi dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- 4.7 Kementerian atau Jabatan Penjawat Tinggi Kerajaan digalakkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus dengan syarikat Kontrak Panel Berpusat, jika syarikat berkenaan dapat membekalkannya dengan kadar harga yang lebih kompetitif tertakluk kepada kadar siling maksimum yang dibenarkan.
- 4.8 Pembiayaan kos perolehan untuk membekalkan Kelengkapan Rumah hendaklah menggunakan peruntukan sedia ada Kementerian atau Jabatan Penjawat Tinggi Kerajaan.
- 4.9 Semua Kelengkapan Rumah di dalam Rumah Kediaman Kerajaan itu hendaklah diserahkan kembali kepada Kerajaan apabila Penjawat Tinggi Kerajaan berkenaan mengosongkan

rumah tersebut dan menyerahkan kunci kepada pihak pengurusan Kementerian atau Jabatan.

4.10 Semua Kelengkapan Rumah dan Kelengkapan Lain adalah menjadi hakmilik Kerajaan.

### **5. TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

### **6. PEMAKAIAN**

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing. Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya turut dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan.

### **7. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Am ini, maka Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1997 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2001 adalah dibatalkan.

**8. MAKLUMAT PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling Am ini boleh ditujukan kepada:

**Bahagian Pengurusan Hartanah**

Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 2-8, Blok F6, Kompleks F,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,  
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

No. Tel : 03 – 8091 8500

No. Faks : 03 – 8091 8836

Web: [www.bph.gov.my](http://www.bph.gov.my)

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
( TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI )  
Ketua Setiausaha Negara



**PENJAWAT TINGGI KERAJAAN**

**KUMPULAN I:**

- (i) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan
- (ii) Yang di-Pertua Dewan Negara
- (iii) Yang di-Pertua Dewan Rakyat
- (iv) Ahli Jemaah Menteri
- (v) Ketua Setiausaha Negara
- (vi) Presiden Mahkamah Rayuan
- (vii) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
- (viii) Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
- (ix) Peguam Negara
- (x) Panglima Angkatan Tentera
- (xi) Ketua Polis Negara
- (xii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- (xiii) Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- (xiv) Ketua Audit Negara; dan
- (xv) Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia/ Ketua Hakim Syarie

**KUMPULAN II :**

- (i) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
- (ii) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
- (iii) Timbalan Menteri
- (iv) Hakim Mahkamah Persekutuan
- (v) Hakim Mahkamah Rayuan
- (vi) Ketua Setiausaha Kementerian
- (vii) Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri
- (viii) Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman
- (ix) Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; dan
- (x) Ketua-ketua Jabatan bertaraf Ketua Pengarah yang berjawatan Gred Jawatan Utama 'A' dan ke atas.

**SENARAI KELENGKAPAN RUMAH KEPADA PENJAWAT TINGGI  
KERAJAAN YANG DIPERUNTUKKAN RUMAH KEDIAMAN  
KERAJAAN**

<b>KOMPONEN KELENGKAPAN RUMAH</b>	<b>HARGA MAKSIMUM</b>	
	<b>KUMPULAN I</b>	<b>KUMPULAN II</b>
(a) Perabot dan kelengkapan lain rumah	180,000.00	130,000.00
(b) Langsir	30,000.00	30,000.00
(c) Permaidani	40,000.00	40,000.00
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>250,000.00</b>	<b>200,000.00</b>

Nota:

Sekiranya terdapat lebih (baki) pada had maksimum salah satu komponen Kelengkapan Rumah, maka lebih tersebut boleh digunakan untuk pembelian komponen Kelengkapan Lain Rumah tertakluk kepada peruntukan sedia ada Kementerian/Jabatan Penjawat Tinggi Kerajaan berkenaan.